

Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menguatkuasakan Surcaj Angkadar Kuasa (*Power Factor*) selain caj penggunaan tenaga elektrik sedia ada kepada pelanggan kategori komersil, perindustrian, perlombongan dan pertanian yang mengambil bekalan elektrik voltan rendah tiga fasa. Surcaj ini tidak melibatkan pelanggan kategori domestik.

# Apakah Angkadar Kuasa?

Angkadar Kuasa adalah indeks yang digunakan untuk mengukur tahap kecekapan penggunaan tenaga elektrik. Indeks ini diukur dalam julat (*range*) antara 0 hingga 1.

Indeks Angkadar Kuasa yang tinggi (contoh: lebih daripada 0.85) menunjukkan tahap penggunaan tenaga elektrik yang cekap. Sebaliknya, indeks Angkadar Kuasa yang rendah (contoh: kurang daripada 0.85) menunjukkan tahap penggunaan tenaga elektrik tidak cekap dan mencerminkan pembaziran elektrik.

## Mengapa anda perlu pastikan Angkadar Kuasa sentiasa tinggi?

Angkadar Kuasa yang tinggi memberi faedah seperti berikut:

- Tiada penambahan bil elektrik bulanan kerana tiada caj tambahan iaitu Surcaj Angkadar Kuasa.
- Jangka hayat setiap peralatan elektrik akan menjadi lebih lama.
- Mengurangkan pembaziran tenaga pemasangan elektrik di premis pelanggan.
- Memulihara alam sekitar dengan membantu negara untuk mengurangkan penggunaan bahan api dan seterusnya pengeluaran gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>).

Pelanggan dinasihatkan untuk sentiasa memastikan Angkadar Kuasa dikekalkan pada paras cekap (melebihi 0.85). Surcaj Angkadar Kuasa dikenakan sekiranya nilai Angkadar Kuasa kurang **daripada 0.85**.

## Langkah-langkah mempertingkatkan Angkadar Kuasa

Sila ikuti langkah-langkah berikut untuk mempertingkatkan Angkadar Kuasa:

- Memasang peralatan yang boleh mempertingkatkan Angkadar Kuasa seperti *Capacitor Bank*.
- Elakkan peralatan elektrik berasaskan motor beroperasi tanpa beban atau kurang daripada beban yang disarankan oleh pengeluar kilang.
- Menggunakan peralatan elektrik berasaskan motor yang mempunyai nilai Angkadar Kuasa yang tinggi.
- Menggunakan peralatan elektrik berasaskan motor yang disahkan oleh SIRIM dan mempunyai label cekap tenaga (*energy efficient*).

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my). Pelanggan juga boleh menghubungi *One Stop Enquiry Centre* di talian **1-300-88-5454** atau e-mel kepada [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my)



**TENAGA  
NASIONAL BERHAD**  
1995000000  
Pengerak Kemajuan Negara

